

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9482

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) Jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan sejak tahun 2013-2016 berdasarkan negeri dan kaum; dan
- (b) Apakah sebab proses permohonan kewarganegaraan menggunakan masa yang agak panjang dan ada banyak kes permohonan yang telah mengambil masa puluh tahun tetapi masih tidak lulus.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pemohon yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia sejak tahun 2013 sehingga September 2016 adalah seramai 13,294 orang. Daripada jumlah tersebut, lima negeri yang menunjukkan permohonan kewarganegaraan yang tertinggi adalah permohonan yang dikemukakan di JPN Putrajaya, Johor, Selangor, Perak dan Sabah.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat warga asing di Malaysia tidak direkodkan mengikut kaum tetapi berpandukan negara asal mereka. Dalam hal ini, tiga negara asal tertinggi adalah Indonesia, India dan Thailand.

- (b) Dakwaan bahawa permohonan kewarganegaraan mengambil masa berpuluh tahun untuk diluluskan adalah satu kenyataan yang tidak tepat. Hal ini adalah kerana, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia adalah berdasarkan permohonan dan individu tersebut hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang layak memohon kewarganegaraan Malaysia perlu membuktikan telah bermastautin di Persekutuan selama 12 tahun, berkelakuan baik dan mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu.**

Kerajaan ingin menegaskan bahawa kewarganegaraan Malaysia adalah suatu anugerah tertinggi yang dianugerahkan

oleh Kerajaan Malaysia kepada individu yang berkeelayakan. Dalam hal ini, bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara, Kerajaan perlu membuat penelitian yang terperinci bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar berkeelayakan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia, mempunyai asimilasi yang baik dengan budaya dan penduduk tempatan, mempunyai sumbangan yang signifikan kepada negara dan menumpahkan segala taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.